


Skim Inovasi Perusahaan

Potongan cukai/elaun yang dipertingkatkan, dengan pilihan bagi penukaran wang tunai mulai Tahun Taksiran (YA) 2024 - YA 2028

- **Potongan cukai/elaun tahunan sebanyak 400%**, setiap potongan dihadkan kepada \$400,000 daripada perbelanjaan yang layak, untuk:
 - Aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pengembangan setempat
 - Pendaftaran Hak Cipta Intelektual (IP)
 - Pengambilan dan pelesenan bagi IP yang layak, untuk pembayar cukai yang mempunyai hasil kurang daripada \$500 juta
 - Kursus-kursus yang layak yang diselaraskan dengan Rangka Kerja Kemahiran
- **Potongan cukai tahunan sebanyak 400%**, setiap potongan dihadkan kepada \$50,000 daripada perbelanjaan yang layak, untuk:
 - Projek-projek inovasi yang dijalankan bersama politeknik-politeknik, ITE atau rakan-rakan kongsi lain yang layak
- **Pilihan untuk menukar sebanyak 20%** daripada jumlah perbelanjaan yang layak bagi setiap YA untuk aktiviti-aktiviti yang layak sebagai ganti potongan cukai/elaun, kepada wang tunai hingga \$20,000



Butiran lanjut boleh didapati di www.go.gov.sg/iras-eis selewat-lewatnya 30 Jun 2023.



Dapatkan maklumat lanjut di
www.singaporebudget.gov.sg